

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 22 OGOS 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### Pemulihan ekonomi berterusan

# Pemulihan ekonomi berterusan

**Putrajaya:** Pelbagai inisiatif diambil kerajaan Keluarga Malaysia memberi impak membangkitkan, sekali gus membolehkan momentum pertumbuhan ekonomi negara dijangka berterusan bagi separuh kedua yang disokong jangkaan permintaan domestik kukuh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pemulihan ekonomi negara dapat dilihat selepas Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) merekodkan pertumbuhan 6.9 peratus pada separuh pertama tahun ini.

"Kementerian dan agensi utama bertungkus-lumus bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk merangka dasar serta stra-

tegi dan kewangan bagi menangani cabaran ekonomi.

"Pemulihan ini disokong dasar kerajaan seperti mewujudkan peluang pekerjaan bawah Majlis Pekerjaan Negara dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berkongsi pencapaian dan usaha dilaksanakan kerajaan dalam merancakkan ekonomi negara pada Simposium Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Mustapa berkata, dalam mewujudkan peluang pekerjaan, sebanyak 69,517 pekerjaan baharu dicipta manakala 211,711 penempatan pekerjaan direkodkan setakat 30 Jun lalu.

Katanya, ia berdasarkan pel-

bagai program seperti Insentif Penggajian Jamin Kerja dan Program Latihan dan Peningkatan Kemahiran.

"Dalam membasmi kemiskinan tegar, mekanisme baharu yang lebih holistik diwujudkan melalui inisiatif Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) dalam RMK-12.

"Ini bagi memastikan sasaran miskin tegar sifar dapat dicapai pada 2025. Menerusi RMK-12, peruntukan untuk pembasmian kemiskinan membabitkan sejumlah RM36 bilion dengan jumlah siling peruntukan tahun ini ialah RM6.1 bilion," katanya.

Mengenai inflasi, beliau berkata, Malaysia masih berada pada tahap rendah iaitu 3.4 peratus berbanding negara lain.